Dorsett Regency (M) Sdn Bhd lwn Azham Shah bin Mohamad Yusof dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1–25–130 TAHUN 2002
RAUS SHARIF H
28 SEPTEMBER 2005

Undang-Undang Buruh — Pekerjaan — Pembuangan kerja — Pekerja didapati bersalah atas tuduhan berjudi — Sama ada pertuduhan lengkap — Sama ada keputusan siasatan cacat kerana gagal memanggil saksi — Sama ada keputusan Mahkamah Perusahaan munasabah

Undang-Undang Pentadbiran — Remedi — Certiorari — Pembatalan award Mahkamah Perusahaan — Sama ada keputusan Mahkamah Perusahaan menyalahi undang-undang — Sama ada award munasabah — Sama ada Mahkamah Perusahaan mempunyai sebab untuk campur tangan dengan award melalui kajian semula kehakiman

Di dalam satu siasatan yang diadakan oleh pemohon dengan kehadiran responden pertama, responden pertama telah didapati bersalah ke atas ketiga-tiga pertuduhan, iaitu: (i) gagal mematuhi polisi-polisi hotel sebagaimana yang ternyata di dalam Manual Keselamatan; (ii) gagal mematuhi Kaedah-Kaedah dan Peraturan-peraturan Hotel; dan (iii) berjudi di premis hotel. Akibatnya, melalui surat bertarikh 22 Januari 1999 responden pertama telah dibuang kerja dengan serta-merta. Responden pertama kemudiannya membuat representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah s 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Oleh kerana ianya tidak dapat diselesaikan, Menteri telah merujuk representasi responden pertama ke Mahkamah Perusahaan untuk keputusan. Mahkamah Perusahaan mendapati pembuangan kerja responden pertama oleh pemohon adalah tanpa alasan dan sebab yang munasabah. Pemohon tidak puas hati lalu membuat permohonan untuk satu perintah certiorari dari Mahkamah untuk membatalkan award Mahkamah Perusahaan itu.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Mahkamah Perusahaan tidak silap memutuskan sedemikian kerana secara jelas pertuduhan terhadap responden pertama tidak mendedahkan perkara material bagi membolehkan responden pertama menyediakan pembelaan yang sempurna. Ini dengan sendirinya membuatkan keputusan siasatan terhadap responden pertama sebagai keputusan yang cacat dan sebarang keputusan yang berasaskan kepada pertuduhan-pertuduhan yang tidak sempurna tidak boleh dipertahankan (rujuk perenggan 10).

(2) Di dalam kes ini keterangan yang dikemukakan adalah menuju kepada satu dakwaan bahawa responden pertama berjudi. Akan tetapi pertuduhan juga merujuk kepada kegagalan responden pertama mematuhi Manual Keselamatan dan Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan hotel. Namun begitu, tidak pula dinyatakan dengan sempurna apakah ketetapan dalam Manual Keselamatan dan Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan hotel yang dilanggar oleh responden pertama. Mengenai pertuduhan berjudi, masa, tempat dan dengan siapa responden pertama dikatakan berjudi tidak dinyatakan dalam pertuduhan. Dengan itu, mahkamah bersetuju dengan Mahkamah Perusahaan bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dihadapkan ke atas responden pertama adalah cacat dan tidak sempurna (rujuk perenggan 11).

(3) Keputusan Mahkamah Perusahaan tidak menyalahi undang-undang. Ianya adalah satu award yang munasabah dan tidak keterlaluan. Keputusan Mahkamah Perusahaan melibatkan penemuan fakta yang disokong oleh keterangan. Jadi, tidak ada sebab untuk mahkamah campur tangan dengan Award tersebut melalui kajian semula kehakiman (rujuk perenggan 12, 13 dan 16).

[English summary

In an inquiry carried out by the applicant in the presence of the first respondent, the first respondent was found guilty on three charges, ie (i) failure to comply with the hotel's policies as stated in the Security Manual; (ii) failure to comply with the Hotel's Rules and regulations; and (iii) gambling on the hotel premises. As a result, vide a letter dated 22 January 1999, the first respondent has been dismissed with immediate effect. The first respondent then made a representation to the Department of Industrial relation pursuant to s 20(1) Industrial Relation Act 1967. As the matter could not be resolved, the Minister referred the representation to the Industrial Court for decision. The Industrial Court found that the dismissal of the first respondent by the applicant was without due cause and reasonable ground. Dissatisfied, the applicant filed an application for an order of certiorari to quash the award of the Industrial Court.]

Held, dismissing the application:

(1) In so deciding, the Industrial Court has not made an error as it was clear that the allegations against the first respondent did not disclose material matter so as to enable the first respondent to prepare an adequate defence. This alone results in making the decision of the inquiry against the first respondent flawed and any decision based on incomplete allegations could not stand (see para 10).

(2) In the instant case, the evidence adduced points to an allegation that the first respondent gambled. However, the charges also referred to the failure of the first respondent to comply with the Security Manual and the Hotels's Rules and Regulations. Nonetheless, it was not adequately mentioned pursuant to which provisions in the Security Manual and Hotels's Rules and Regulations

that was breached by the first respondent. In relation to the charge of gambling, there was no mention in the charge with regards to the time, place and with whom the first respondent gambled. Therefore, the Court concur with the Industrial Court that the charges against the first respondent is flawed and incomplete (see para 11).

(3) The decision of the Industrial Court was not against the law. It was a reasonable and just award. The decision of the Industrial Court involved a finding of facts supported with evidence. Therefore, there was no reason for the Court to interfere with the award vide judicial review (see paras 12, 13 and 16).

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai certiorari, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2002 Reissue) perenggan 185–393.
Untuk kes-kes mengenai pembuangan kerja, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1070–1140.

Kes-kes yang dirujuk

Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v Yap Kok Foong and another appeal [2001] 4 MLJ 97 (dirujuk)
Esso Production Malaysia Inc v Maimunah Ahmad & Anor [2002] 3 CLJ 242 (diikut)
MBF Unit Trust Management Bhd v Mahkamah Perusahaan Malaysia & Anor [2004] 5 MLJ 526 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Perhubungan Perusahaan 1967 s 20(1)

Joseph Iruthayam (Joseph Iruthayam & Co) bagi pihak pemohon.
Louis Wong (Louis KH Wong) bagi pihak responden.

Raus Sharif H:

[1] Ini adalah permohonan Dorsett Regency Hotel (M) Sdn Bhd (pemohon) untuk suatu perintah certiorari supaya,ahkamah ini membatalkan award yang dibuat oleh Mahkamah Perusahaan, iaitu Award No 823 tahun 2002 bertarikh 30 September 2002. Di dalam award itu, Mahkamah Perusahaan telah mendapati pembuangan kerja responden pertama oleh pemohon adalah tanpa alasan dan sebab yang munasabah. Dengan itu, Mahkamah Perusahaan telah membuat perintah bahawa:

(i) Responden pertama dibayar gaji kebelakangan untuk 40½ bulan (dari tarikh pembuangan kerja, iaitu 22 Januari 1999 sehingga tarikh akhir pembicaraan, iaitu 7 Jun 2002) dengan dikurangkan 30%.
RM4,000 x 40 ½ bulan = RM162,000
Dikurangkan 30% = RM113,400

(ii) Responden pertama dibayar sebulan gaji bagi tiap-tiap tahun ia berkhidmat sebagai ganti perlantikan semula (in lieu of reinstatement), iaitu dari tarikh ia memasuki perkhidmatan 3 November 1997 sehingga tarikh akhir pembicaraan.

RM4,000 x 4½ = RM18,000

[2] Di dalam kes ini, pemohon menjalankan perniagaan hotel. Responden pertama adalah pekerja pemohon. Responden pertama telah mula bekerja dengan pemohon pada 3 November 1997 sebagai Pengurus Keselamatan dan telah disahkan dalam jawatan selepas tiga bulan dalam percubaan.

[3] Pada 1 Januari 1999 jam kurang-lebih 9.00 pagi, Pengurus Besar syarikat pemohon En Hadi bin Yusof telah menerima satu panggilan mengenai bunyi bising di bilik No 1105. Berikutan dengan itu, En Hadi bin Yusof telah pergi ke bilik tersebut bersama En David Fong, Penolong Pengurus Pejabat Hadapan (Front Office) dan Cik Zanariah, Penolong Pengurus Rumah (Assistant Housekeeper). Apabila mereka memasuki bilik tersebut didapati responden pertama berada di bilik tersebut bersama kapten budak suruhan (bell captain) bernama Rahman, dan budak suruhan (bell boy) bernama Poad dan pegawai keselamatan bernama Nasaruddin. Menurut En Hadi, responden pertama dan Poad didapati memegang daun terup dan terdapat wang RM5 dan RM10 di atas katil.

[4] Berikutan dengan kejadian tersebut, satu surat tunjuk sebab telah dikeluarkan terhadap responden pertama pada 2 Januari 1999 mengarahkan beliau untuk memberi jawapan bertulis mengenai dakwaan bahawa responden telah berjudi dalam bilik hotel responden pada 1 Januari 1999. Surat tunjuk sebab itu antara lain berbunyi:

> It has been reported that you have committed the following:
>
> On Friday, 1 January 1999 at approximately 0950 hrs, En Hadi along with two other witnesses Mr David Fong and Pn Zanariah Zakaria caught you gambling in Room 1005 with En Abdul Rahman — Bell Captain (Emp No 00121) and En Ahmad Poad — Bellman (Emp No 00215). Cash was seen on the bed. Poad and you were holding the cards and the other person was sleeping.
>
> In view of the seriousness of the above, the Management has decided to suspend you from work, from 2 January 1999 to 4 January 1999. You are required to submit an explanation letter by 4 Monday, 4 January 1999 before 5pm as to why disciplinary action should not be taken against you.
>
> Should you fail to give your explanation as required within the stipulated time it will be presumed that you have no explanation to offer and appropriate action will be taken against you.

During the suspension period, you are not allowed to enter the hotel premises accept of purposes of handling the explanation letter.

[5] Responden pertama menerusi surat bertarikh 4 Januari 1999 tidak mengaku dakwaan perjudian itu dan telah memberi penjelasan. Dalam penjelasannya, responden pertama antara lain mengatakan seperti berikut:

On Friday, 1 January 1999 at approximately 0950hrs while I was enjoying myself in room 1105 drinking beers and showing a game of fun to Mr Poad, suddenly there was a knock at the door. I woke up Abdul Rahman who was lying asleep on the bed with Nasaruddin to open the door of the room.

For your information sir, I was not at all gambling but in actual fact, I was just showing a fun game with the playing cards to Mr Poad. I did not try to hide anything from you, when you, Mr David Fong and Pn Zanariah Zakaria entered the room as I was not gambling at the prescribe time.

I have also explained the same to you when you called for me on the same day itself. I see no reason why you should suspend me further or takes disciplinary action against me, as I do not breach any rules and regulations of the hotel. Your kind and fair consideration on my explanation is highly appreciated.

[6] Penjelasan responden pertama tersebut tidak meyakinkan pemohon dan berikutan dengan itu pemohon telah mengemukakan pertuduhan bertarikh 4 Januari 1999 kepada responden pertama. Surat pertuduhan berbunyi seperti berikut:

Your were alleged to have committed the following:

(1) failure to comply with the policies of the hotel as stated in the Security Manual;

(2) failure to comply with the Hotel Rules and Regulations; and

(3) caught gambling in the hotel premises at Room 1105 on Friday, 1 January 1999.

In view of the seriousness of the above allegations, the Management has decided to suspend you pending inquiry with half pay for duration of 11 days, from 5 January to 15 January 1999. If the result of the Inquiry does not establish a case against you, the Management shall forthwith restore to you the full amount of wages so with held, in accordance with the Employment Act 1955.

During this period of suspension pending inquiry, you will be required to make yourself available to assist the Management for investigations and you are not permitted to enter the hotel premises.

You will be given the opportunity to conduct your defence by examining your witness and cross-examining the management's witnesses. You may bring along any documentary evidence that may help you in your defence. You are permitted if you wish to be assisted at the inquiry by your fellow worker.

Please inform the undersigned three days before the date of inquiry so that arrangement can be made to allow them to attend the inquiry.

The Management proposes to conduct a domestic Inquiry into the above mentioned allegations on 15 January 1999 (Friday), at 3pm at the Board Room of the Executive Office.

If you fail to be present at the inquiry at the time, date and place specified, the inquiry will proceed ex parte.

[7] Berikutan dengan itu suatu siasatan telah diadakan pada 15 Januari 1999. Responden pertama telah mengambil bahagian dan kemudiannya didapati bersalah ke atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Akibatnya, melalui surat bertarikh 22 Januari 1999 responden pertama telah dibuang kerja dengan serta-merta.

[8] Responden pertama tidak berpuashati dengan tindakan pemohon itu dan telah membuat representasi kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah s 20(1) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Oleh kerana ianya tidak dapat diselesaikan, Menteri telah merujuk representasi pemohon ke Mahkamah Perusahaan untuk membuat keputusan. Mahkamah Perusahaan membuat keputusan yang memihak kepada responden pertama. Pemohon dengan itu membuat permohonan ini.

[9] Semasa perbicaraan di Mahkamah Perusahaan, responden pertama telah membangkitkan isu bahawa tuduhan (a) dan (b) di dalam kertas pertuduhan adalah terlalu luas dan tidak dinyatakan secara khusus mengenai kesalahan yang dilakukan. Juga dibangkitkan bahawa pertuduhan (c) juga tidak lengkap kerana tidak menyatakan secara terperinci tempat dan masa kesalahan dilakukan, dan juga dengan siapa kesalahan dilakukan. Dalam hal ini, Mahkamah Perusahaan telah bersetuju dengan responden pertama bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadap responden pertama adalah tidak lengkap. Mahkamah Perusahaan memutuskan seperti berikut:

> Now the first two charges against the claimant are that he failed to comply with the (i) policies of the hotel as stated in the Security Manual and (ii) the hotel's rules and regulations while the third charge states that (iii) (he was) caught gambling in the hotel's premises.
>
> The claimant has contended that the charges against him are too wide. It is apparent on the reading of the charges that material particulars were not included to enable the framing of proper charges against the claimant. As to what particular policy in the Security Manual and to which specific rule and regulation the claimant is alleged to have contravened these essentials are not included in the first two charges. In the third charge, it is not stated at what time he was caught gambling. Without these particulars it is questionable whether the claimant was able to prepare defenses to them at the inquiry. In any event it is the claimant's uncontroverted evidence that he had objected to the charges not being specific at the inquiry. Nevertheless the inquiry proceeded as scheduled and the Panel of Inquiry found the claimant guilty of all three charges.

[10] Pada saya, Mahkamah Perusahaan tidak silap dalam memutuskan sedemikian. Jelas pertuduhan yang dikenakan terhadap responden pertama tidak mendedahkan perkara material bagi membolehkan responden pertama menyediakan pembelaan yang sempurna. Ini dengan sendirinya membuatkan keputusan siasatan terhadap responden pertama sebagai keputusan yang cacat dan sebarang keputusan yang berasaskan kepada pertuduhan-pertuduhan yang tidak sempurna tidak boleh dipertahankan. Persoalan seperti ini telah pernah diputuskan di dalam kes *Esso Production Malaysia Inc v Maimunah Ahmad & Anor* [2002] 3 CLJ 242 di mana Mahkamah Rayuan, antara lain, telah memutuskan:

[2] The charges were criminal or at least semi-criminal in nature, the consequence of which deprived the first respondent of her livelihood with her dismissal from employment. Hence, the substance relating to the two charges could not be brushed aside as being of significance.

[4] The burden was on the party that made the allegations to satisfy the tribunal adjudicating the matter that the charges had been proved before the first respondent could be condemned. There were material particulars required to be disclosed in the charges. Without those particulars, one accused upon the charges would not be able to prepare proper defences to them.

[5] Although the charges were admitted and not disputed by the second respondent, that did entitle the learned judge to proceed to consider the merits of the case. The validity or otherwise of the charges was the threshold of the matter before the merits could be considered.

[6] The charges were bad in law and the learned judge was correct when he said that such charges for want of material particulars were void an initio. Therefore, on such improper charges before the board of inquiry the finding of guilt upon the first respondent by the appellant would not stand thereby rendering the dismissal of the first respondent by the appellant to be without just cause and excuse. Accordingly, the dismissal of the application for certiorari by the learned judge was justified and it followed that the merits in dismissing the application need not be looked into.

[11] Perkara yang sama berlaku dalam kes ini. Di dalam kes ini, keterangan yang dikemukakan adalah menuju kepada satu dakwaan bahawa responden pertama berjudi. Tetapi pertuduhan juga merujuk kepada kegagalan responden pertama mematuhi 'Security Manual' dan 'Hotel's Rules and Regulations'. Tetapi tidak dinyatakan dengan sempurna apakah ketetapan dalam 'Security Manual' dan 'Hotel's Rules and Regulations' yang dilanggari oleh responden. Mengenai pertuduhan berjudi, masa, tempat dan dengan siapa responden pertama dikatakan berjudi tidak dinyatakan dalam pertuduhan. Dengan itu saya bersetuju dengan Mahkamah Perusahaan bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dihadapkan ke atas responden pertama adalah cacat dan tidak sempurna. Dengan alasan ini sahaja permohonan pemohon untuk perintah certiorari seharusnya ditolak.

[12] Namun begitu, jika merit kes ini hendak diteliti, saya juga berpendapat bahawa pemohon gagal untuk menunjukkan bahawa Mahkamah Perusahaan telah silap dari segi undang-undang dalam membuat keputusan yang memihak kepada responden pertama. Mahkamah Perusahaan dalam keputusannya menyatakan:

The hotel had contended that the claimant had indeed gambled in the said room because one of the undisputed facts is that he begged COW1 for a last chance after the incident. However, the court is inclined to believe the claimant's version when he said on seeing COW1 as instructed. COW1 had asked him to resign. He then testified as follows:

> Pada sangkaan saya kerana minum di hotel dan mengotorkan bilik serta membiarkan lain-lain kakitangan hotel bukan sekuriti berada di bilik yang dikhas untuk sekuriti.

Saya berasa amat takut kerana saya tahu kuasa beliau sebagai General Manager amat meluas dan beberapa kakitangan dan management staff telah berhenti atau dibuang kerja oleh beliau sejak 1½ bulan beliau memegang jawatan General Manager.

Saya perlu diberi peluang kerana saya mempunyai dua orang anak yang masih kecil. Beliau minta saya keluar bilik.

From the above evidence, it is clear that the claimant never admitted to COW1 that he was gambling in Room 1105 on 1 January 1999 as alleged.

[13] Jelas dari petikan di atas, keputusan Mahkamah Perusahaan tersebut adalah berkaitan dengan penemuan fakta, di mana ia telah memilih untuk mempercayai saksi-saksi responden pertama dari keterangan saksi-saksi pemohon. Undang-undang adalah jelas bahawa sesuatu keputusan fakta yang ditemui oleh Mahkamah Perusahaan tidak boleh dibuka kepada kajian semula kehakiman, melainkan ia bercanggah dengan keterangan atau tidak ada keterangan langsung (lihat *Colgate Palmolive (M) Sdn Bhd v Yap Kok Foong and another appeal* [2001] 4 MLJ 97 dan *MBF Unit Trust Management Bhd v Mahkamah Perusahaan Malaysia & Anor* [2004] 5 MLJ 526).

[14] Di dalam kes ini, dakwaan utama pemohon terhadap defendan pertama ialah beliau berjudi. Di dalam hal ini, Mahkamah Perusahaan memutuskan:

... the allegation against the claimant is that he was gambling but the charge does not state as to whom he was gambling with. The claimant cannot be gambling by himself. The court assumes that the claimant is alleged to be gambling with Poad since according to COW1's evidence he was sitting opposite the claimant although as stated above COW2 and COW3 made no mention of Poad sitting opposite the claimant or that he was holding cards. In the circumstances, it was incumbent on the hotel and not on the claimant to call Poad as a witness since the evidence is crucial to enable the hotel to prove the charge. However, the hotel failed to call him and no reason was given to the court for its failure to do so. The court will therefore draw an adverse interference against the hotel under s 114(g) of the Evidence Act 1950. The court presumes that this evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the hotel.

[15] Jelas dari petikan di atas, Mahkamah Perusahaan mendapati bahawa keterangan yang dikemukakan tidak mencukupi untuk menunjukkan defendan pertama adalah berjudi. Fakta perjudian itu mungkin boleh dibuktikan jika Poad dipanggil oleh pihak pemohon untuk memberi keterangan. Tetapi Poad tidak dipanggil sebagai saksi. Juga tidak ada sebab dinyatakan mengapa pihak pemohon tidak memanggilnya. Jadi adalah tidak silap untuk Mahkamah Perusahaan memakai s 114(g) Akta Keterangan 1950 di dalam keadaan sedemikian. Tambahan pula Nasaruddin dan Abdul Rahman yang memberi keterangan semasa inkuiri, telah menyatakan bahawa mereka tidak berjudi. Jadi, dari keterangan yang dikemukakan, adalah tidak munasabah untuk panel inkuiri domestik, menyimpulkan bahawa responden pertama berjudi walhal saksi-saksi tidak menyatakan sedemikian.

[16] Kesimpulannya, saya berpendapat bahawa keputusan Mahkamah Perusahaan tidak menyalahi undang-undang. Ianya adalah satu award yang munasabah dan tidak keterlaluan. Keputusan Mahkamah Perusahaan melibatkan penemuan fakta yang

disokong oleh keterangan. Jadi, tidak ada sebab untuk saya campur tangan dengan award tersebut melalui kajian semula kehakiman. Dengan itu, permohonan pemohon adalah ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak dengan kos.

Reported by I Izzuddin